



KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
Director General of Social Welfare
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Department of Social Welfare
Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 603-8323 1656/1658
Faks (Fax): 603-8323 2092
Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Rujukan Kami: JKM/100/03/1/JLD.7 (11)
Tarikh : 9 Januari 2024

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri

Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah

**Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
dan Labuan**

SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024

PROSEDUR OPERASI STANDARD
PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT PESALAH MUDA

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan memberi pemakluman mengenai Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Pesalah Muda dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

PELAKSANAAN

2. Pelaksanaan PKM Pesalah Muda dibawah seksyen 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].
3. Prosedur Operasi Standard ini merupakan panduan yang memberi perincian lanjut kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, terutamanya Penyelaras PKM Negeri, Pegawai PKM dan Penyelia Lapangan supaya pelaksanaan PKM dapat dilaksanakan dengan seragam, cekap dan sistematik.
4. Prosedur pengendalian Pelatih PKM Pesalah Muda adalah seperti berikut:
 - 4.1 Proses penyediaan Laporan Sosial Pesalah Muda;
 - 4.2 Penerimaan perintah mahkamah dan penerimaan kes;
 - 4.3 Perancangan dan pelaksanaan PKM mengikut elemen hukuman, pemulihan dan penginsafan;
 - 4.4 Pengendalian pelanggaran dan perpindahan kes; dan
 - 4.5 Pengurusan penamatan kes.

PEMAKAIAN

5. Prosedur Operasi Standard PKM Pesalah Muda ini adalah terpakai kepada semua JKM Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah serta semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/Cawangan.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, apa jua arahan, peraturan atau garis panduan sebelum ini yang bercanggah dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard PKM Pesalah Muda adalah **TERBATAL**.


TARIKH KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **15 Januari 2024**.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NORAZMAN BIN OTHMAN)

s.k

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT
PESALAH MUDA**



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

PROSEDUR OPERASI STANDARD PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT PESALAH MUDA

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SINGKATAN AKRONIM

JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKMN	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
LSPM	-	Laporan Sosial Pesalah Muda
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
Pegawai PKM	-	Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat Daerah/Jajahan/ Bahagian/Cawangan
PejKMD	-	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/ Cawangan
PL	-	Penyelia Lapangan
PPsi	-	Pegawai Psikologi/Kaunselor
PKM	-	Perintah Khidmat Masyarakat
PKMD	-	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/ Cawangan
PKMN	-	Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
PM	-	Pesalah Muda
PP	-	Penyelaras Penempatan
Penyelaras PKM Negeri	-	Penyelaras Perintah Khidmat Masyarakat Negeri
TPR	-	Timbalan Pendakwa Raya

ISI KANDUNGAN

BIL	KETERANGAN	MUKA SURAT
	Singkatan Akronim	i
	Isi Kandungan	ii-iv
A	Pengenalan	1
B	Tujuan	2
C	Skop	2
D	Definisi	2-3
Prosedur 1	Penyediaan Laporan Sosial Pesalah Muda	4-9
	Lampiran :	
PM 1	Format Buku Daftar Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Muda	10
PM 2	Surat Permohonan Penyediaan Laporan Sosial Pesalah Muda	11
PM 3	Laporan Sosial Pesalah Muda	12-13
Prosedur 2	Penerimaan Perintah Mahkamah	14-21
	Lampiran :	
PM 4	Surat Pemakluman Pelaksanaan Perintah Mahkamah	22
PM 5	Surat Pemakluman Kekhilafan Perintah Mahkamah	23
PM 6	Surat Permohonan Semakan Kekhilafan Perintah Mahkamah	24
PM 7	Borang Maklumat Pelatih	25-26
PM 8	Memo/Surat Penyerahan Borang Ujian Psikologi Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat	27
PM 9	Borang Perakuan Kesihatan	28
PM 10	Borang Perakuan Pelatih Memerlukan/Tidak Memerlukan Insurans Persendirian	29
PM 11	Arahan-Arahan Perintah Khidmat Masyarakat	30-33
PM 12	Surat Syarat-Syarat Tambahan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat	34
PM 13	Jadual Pelaksanaan Syarat-Syarat Tambahan Perintah Khidmat Masyarakat	35
PM 14	Laporan Penilaian Awal Kesesuaian Aktiviti	36

BIL	KETERANGAN	MUKA SURAT
PM 15	Jadual Perancangan Aktiviti/Program Perintah Khidmat Masyarakat	37
PM 16	Surat Permohonan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	38
Prosedur 3	Pelaksanaan	39-44
	Lampiran :	
PM 17	Surat Makluman Status Kes kepada Mahkamah	45
PM 18	Surat Makluman dan Permohonan Pelanjutan Tempoh Perintah	46
PM 19	Jadual Pelaksanaan Aktiviti/Program Perintah Khidmat Masyarakat	47
PM 20	Borang Penerimaan dan Penyerahan Barang Pelatih	48
PM 21	Laporan Penyeliaan Harian	49
PM 22	Laporan Kemajuan Pelatih	50-51
Prosedur 4	Pelanggaran	52-56
	Lampiran :	
PM 23	Surat Peringatan Gagal Hadir Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	57
PM 24	Aduan Pelanggaran Perintah Khidmat Masyarakat	58
PM 25	Contoh Laporan Polis	59
PM 26	Laporan Siasatan Pelanggaran Perintah Khidmat Masyarakat	60-61
PM 27	Minit Konferensi Kes	62
PM 28	Laporan Pelanggaran Perintah Khidmat Masyarakat	63-64
PM 29	Surat Makluman Pelanggaran Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	65-66
Prosedur 5	Perpindahan Pelaksanaan	67-70
	Lampiran :	
PM 30	Surat Makluman Perpindahan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	71-72
PM 31	Surat Akuan Penerimaan Dokumen Perpindahan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	73

BIL	KETERANGAN	MUKA SURAT
Prosedur 6	Penamatan	74-77
	Lampiran :	
PM 32	Borang Penilaian Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	78-81
PM 33	Laporan Penilaian Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	82-87
PM 34	Laporan Penamatan Perintah Khidmat Masyarakat	88-89
PM 35	Surat Makluman Penamatan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (Mahkamah)	90
PM 36	Surat Makluman Penamatan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (Pengarah Negeri)	91
PM 37	Laporan Analisa Penamatan Kes	92-93

PENGENALAN

Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bagi Pesalah Muda merupakan perintah yang dikenakan mengikut peruntukan di bawah **perenggan 293(1)(e)** Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Subseksyen 2(1) Akta 593 mentafsirkan-“**pesalah muda**” sebagai seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang boleh dihukum denda atau penjara yang **berumur lapan belas tahun atau lebih dan di bawah umur dua puluh satu tahun**.

Perenggan 293(1)(e) Akta 593 pula memperincikan pelaksanaan PKM seperti berikut:

- (i) untuk membuat perintah menghendaki pesalah menjalankan khidmat masyarakat, **tidak melebihi 240 jam dalam agregat**, dalam bentuk sifat dan waktu dan tempat dan tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah;
- (ii) dalam perenggan ini, “khidmat masyarakat” ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan atau arahan untuk kebaikan masyarakat secara am dan termasuk, apa-apa kerja yang telah dijalankan yang melibatkan bayaran kepada pihak penjara atau pihak berkuasa tempatan; dan
- (iii) khidmat masyarakat di bawah perenggan ini hendaklah di bawah Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi wanita, keluarga dan masyarakat.

PKM bertujuan memberi pemulihan dan mencegah Pelatih PKM daripada mengulangi kesalahan lalu dan mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat melalui tiga elemen berikut:-

- **Hukuman (*Punishment*)** - melucutkan masa lapang pelatih dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka untuk dilaksanakan. Hukuman yang diberikan hendaklah menyekat kebebasan pelatih dan mengambil kira tanggungjawab bukan keselesaan;
- **Pemulihan (*Rehabilitation*)** - merangsang dan memupuk sikap tanggungjawab sosial dan menjadikan khidmat masyarakat sebagai suatu pengajaran kepada pelatih;
- **Penginsafan (*Reparation*)** - membantu pelatih dalam membina sahsiah diri, akhlak dan pekerti mulia, insaf atas kesalahan lampau serta menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.

A. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Pesalah Muda ini dibangunkan sebagai panduan kepada pegawai dan kakitangan bagi memastikan pelaksanaan PKM dapat dilaksanakan dengan seragam, cekap dan sistematik.

B. SKOP

Prosedur ini merangkumi proses pengendalian pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat kepada Pesalah Muda, sebagaimana perenggan 293(1)(e) Akta 593.

C. DEFINISI

Definisi yang digunakan di dalam Prosedur Operasi Standard ini adalah seperti berikut:

- i. **Pesalah Muda**
Pesalah yang disabitkan atau dijatuhi hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di bawah perenggan 293(1)(e) Akta 593.
- ii. **Pelatih**
Pesalah Muda yang telah melaporkan diri di Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- iii. **Penyelaras PKM Negeri**
Seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang mengetuai bahagian Perintah Khidmat Masyarakat di peringkat negeri dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- iv. **Pegawai PKM**
Seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang mengetuai Unit Perintah Khidmat Masyarakat di peringkat daerah/negeri dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- v. **Pegawai Psikologi**
Pegawai Psikologi yang bertugas di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Psikologi.
- vi. **Penyelia Lapangan**
Seorang Pembantu Kebajikan Masyarakat yang membantu Pegawai PKM dalam menguruskan kes perintah khidmat masyarakat.

vii. **Penyelaras Penempatan**

Mana-mana pegawai atau individu bertanggungjawab di institusi/tempat pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat.

viii. **Penasihat Undang-Undang**

Seorang Pegawai Undang-Undang yang bertugas di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

ix. **Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah**

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/Cawangan.

x. **Pengamal Perubatan Berdaftar**

Pengamal berubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50] sama ada pegawai perubatan kerajaan atau swasta.

xi. **Tempat Pelaksanaan**

Mana-mana premis kerajaan dan kawasan awam yang dibenarkan. Termasuklah premis di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat kecuali Tempat Perlindungan, Sekolah Diluluskan dan Asrama Akhlak yang diwartakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].

xii. **Perintah Mahkamah**

Apa-apa sahaja bentuk dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah berkenaan Perintah Khidmat Masyarakat.

xiii. **Pelanggaran**

Gagal mematuhi syarat atau melanggar Perintah Khidmat Masyarakat.

xiv. **Langgar Perintah**

- a. Pelatih **gagal hadir melaporkan diri** kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat sehingga tamat tempoh sah perintah;
- b. Pelatih **gagal menamatkan baki jam agregat** sehingga tamat tempoh sah perintah.

xv. **Langgar Syarat**

- a. Pelatih gagal mematuhi **apa-apa syarat** yang ditetapkan dalam perintah mahkamah dalam tempoh sah perintah;
- b. Pelatih **gagal hadir** untuk melaksanakan aktiviti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tanpa alasan munasabah;
- c. Pelatih **gagal hadir** di mana-mana tempat yang telah ditetapkan oleh mahkamah atau Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjalani perintah tanpa alasan munasabah.

PROSEDUR 1:
PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL
PESALAH MUDA

PROSEDUR 1: PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

PROSEDUR TERPERINCI

1.0 MENERIMA PERMOHONAN PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA (LSPM)

- 1.1 Setelah menerima permohonan penyediaan LSPM daripada mahkamah atau **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PejKMD)** luar bagi Pesalah Muda yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang berumur 18 tahun atau lebih dan di bawah 21 tahun. **Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/Cawangan (Pegawai PKM)** hendaklah menyemak maklumat Pesalah Muda di dalam **Buku Indeks Pesalah Muda** dan **Buku Daftar Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Pesalah Muda**.
 - 1.1.1 Jika maklumat Pesalah Muda tidak ditemui, **Pegawai PKM** hendaklah mengambil tindakan untuk mendaftar maklumat Pesalah Muda dalam Buku Indeks dan Buku Daftar PKM Pesalah Muda. **Pegawai PKM** perlu buka fail kes, masukkan dokumen berkaitan dan catatkan dalam kertas minit.
 - 1.1.2 Bagi kes berulang, **Pegawai PKM** hendaklah mendaftar butiran Pesalah Muda dalam Buku Daftar PKM Pesalah Muda seperti di **Lampiran PM 1**, buka fail dan masukkan dokumen berkaitan ke dalam fail. Jika perlu, **Pegawai PKM** boleh mendapatkan fail lama untuk semakan kes kesalahan lampau.
- 1.2 Sebelum menyediakan LSPM **Pegawai PKM** perlu mengenal pasti beberapa perkara seperti berikut;
 - 1.2.1 Bagi Pesalah Muda yang sedang direman atau telah dijamin dan keluarga tinggal di dalam daerah yang sama, LSPM perlu di sediakan oleh **Pegawai PKM**.
 - 1.2.2 Bagi Pesalah Muda yang sedang direman atau telah dijamin dan keluarga tinggal di luar daerah, **Pegawai PKM** perlu menghantar surat Permohonan Penyediaan LSPM seperti di **Lampiran PM 2** kepada **Pegawai PKM** daerah berkenaan.
 - 1.2.3 Bagi daerah yang menyediakan LSPM atas permohonan daerah lain, kandung salinan laporan tersebut dalam Fail Am Pesalah Muda.

PROSEDUR 1: PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

2.0 MENGHUBUNGI PESALAH MUDA, IBU, BAPA ATAU PENJAGA BAGI PENYEDIAAN LSPM

2.1 **Pegawai PKM** perlu menghubungi Pesalah Muda dan mendapatkan tarikh janji temu lawatan ke rumah dalam tempoh **tiga hari** bekerja dari tarikh terima permohonan penyediaan LSPM dan catatkan dalam kertas minit. Kaedah menghubungi Pesalah Muda adalah seperti di bawah:

2.1.1 Surat panggilan dibuat secara surat berdaftar; atau

2.1.2 Menghubungi pelatih dengan apa-apa cara termasuklah membuat panggilan telefon ataupun melalui kiriman e-mel.

3.0 MENYEDIAKAN LSPM

3.1 Setelah penetapan janji temu lawatan ke rumah selesai, **Pegawai PKM** perlu membuat lawatan ke rumah Pesalah Muda bagi mendapatkan gambaran sebenar keluarga dan persekitaran tempat tinggal Pesalah Muda.

3.2 Sebelum memulakan sesi temu bual bersama Pesalah Muda, ibu, bapa, penjaga atau pihak berkaitan, **Pegawai PKM** perlu memberi penerangan awal mengenai tujuan penyediaan LSPM. Berikut merupakan beberapa perkara yang perlu disampaikan kepada Pesalah Muda sebelum temu bual dilaksanakan:

3.2.1 Tujuan perjumpaan adalah bagi menyediakan LSPM atas permohonan pihak mahkamah;

3.2.2 LSPM yang disediakan **Pegawai PKM** merupakan dokumen yang akan dikemukakan di mahkamah, bagi membantu pihak mahkamah membuat keputusan jatuh hukum. Laporan ini bukanlah satu laporan pembelaan atau hukuman. Penyediaan LSPM tidak boleh menyentuh fakta kes dan siasatan pihak polis; dan

3.2.3 **Pegawai PKM** juga perlu menerangkan kepada Pesalah Muda berkenaan hak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan guaman melalui Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) atau melalui Jabatan Bantuan Guaman (JBG) jika Pesalah Muda ingin mengemukakan rayuan hukuman kelak.

PROSEDUR 1: PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

- 3.3 Sekiranya penyediaan LSPM melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU) atau warga asing, **Pegawai PKM** perlu mengambil tindakan seperti berikut:
- 3.3.1 Jika Pesalah Muda merupakan seorang OKU, **Pegawai PKM** perlu menyemak maklumat Pesalah Muda melalui kad kenal diri OKU dan kategori OKU perlu dinyatakan di dalam Laporan Sosial Pesalah Muda.
- 3.3.2 Jika Pesalah Muda merupakan warga asing, **Pegawai PKM** boleh mendapatkan khidmat jurubahasa daripada pihak kedutaan, mana-mana agensi bertauliah atau mana-mana orang awam yang boleh menterjemah bahasa asing tetapi tidak mempunyai apa-apa kelayakan akademik.
- 3.4 **Pegawai PKM** perlu mendapatkan maklumat terperinci LSPM merangkumi perkara berikut.
- a. Butiran Peribadi ;
 - b. Latar Belakang Keluarga/Penjaga (taraf pendidikan, maklumat pekerjaan, pendapatan, status kesihatan) ;
 - c. Keadaan Rumah dan Persekitaran (lokasi, jenis, keluasan dan keadaan rumah, bilangan penghuni, bilangan bilik tidur, keadaan bilik tidur, keperluan asas dan peralatan rumah, status pemilikan rumah, tempoh mendiami rumah, hubungan kejiiran, keadaan kawasan kejiiran, profil masyarakat setempat, kadar jenayah, tahap kebersihan dan kekemasan rumah dan kemudahan infrastruktur seperti pengangkutan, kesihatan, pendidikan dan bekalan elektrik/air) ;
 - d. Keadaan Ekonomi (pendapatan Pesalah Muda, ibu bapa/penjaga, dan keluarga, sumbangan dan peranan Pesalah Muda, corak perbelanjaan, liabiliti, simpanan dan aset. Aspek ekonomi dan pengaruhnya kepada tingkah laku Pesalah Muda) ;
 - e. Perihal Pesalah Muda;
 - i. Kesihatan (status dan sejarah kesihatan serta impak kepada perkembangan fizikal, mental dan sosial Pesalah Muda);
 - ii. Pendidikan (tahap dan prestasi akademik, pendidikan agama, aktiviti kokurikulum, dan tahap disiplin);

PROSEDUR 1: PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

- iii. Pekerjaan (sejarah, jenis, waktu bekerja, tempoh pekerjaan, pendapatan, sumbangan kepada keluarga, sikap terhadap kerjaya, maklumat majikan atau sebab berhenti kerja);
 - iv. Kemahiran (kecenderungan minat dan kemahiran yang dimiliki);
 - v. Tingkah Laku dan Keperibadian (tingkah laku [pasif, agresif atau asertif], tahap emosi [marah, sedih, kesal, gembira], pemikiran [negatif atau positif], keperibadian/personaliti [introvert, ekstrovert] hasil pemerhatian **Pegawai PKM** semasa sesi temu bual, pandangan ibu bapa/penjaga/keluarga);
 - vi. Hubungan dengan Ahli Keluarga (aspek komunikasi, kemesraan/keakraban, tanggungjawab, kasih sayang dan peranan keluarga);
 - vii. Pergaulan dan Aktiviti (dinamik hubungan Pesalah Muda dan rakan-rakan, hobi atau aktiviti masa lapang dan pengaruhnya terhadap personaliti dan tingkah laku Pesalah Muda);
 - viii. Rekod Kesalahan Terdahulu (maklumat diperolehi melalui pengakuan pesalah); dan
 - ix. Hal-hal Lain (tempoh reman, jumlah jaminan, sumber kewangan wang jaminan, penglibatan keluarga, pandangan ibu bapa terhadap Pesalah Muda atas jenayah yang telah dilakukan, rayuan Pesalah Muda dan harapan ibu bapa, penjaga dan keluarga serta perancangan masa depan Pesalah Muda).
- f. Pandangan dan Syor (ulasan keseluruhan laporan mestilah berpandukan rujukan kepada teori-teori Kerja Sosial yang bersesuaian. Kaitkan maklumat yang diperolehi secara holistik dan kaitkan faktor sosial yang menyumbang kepada tingkah laku Pesalah Muda).
- 3.5 Penyediaan LSPM seperti di **Lampiran PM 3** perlu disiapkan sekurang-kurangnya **tiga hari** bekerja sebelum tarikh jatuh hukum yang ditetapkan oleh mahkamah.
- 3.6 Setelah **Pegawai PKM** selesai menyediakan/menerima LSPM dari daerah luar **Pegawai PKM** perlu menyediakan lima salinan laporan untuk kegunaan berikut;

PROSEDUR 1: PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

- a. Dua salinan LSPM untuk mahkamah (majistret dan jurubahasa);
- b. Satu salinan untuk Timbalan Pendakwa Raya;
- c. Satu salinan laporan di masukkan ke dalam fail; dan
- d. Satu salinan untuk Peguam Bela semasa jatuh hukum (jika perlu).

4.0 MENGEMUKAKAN LSPM DI MAHKAMAH

- 4.1 **Pegawai PKM** hadir ke mahkamah untuk mengemukakan LSPM. Jika keputusan mahkamah menyatakan bahawa:
 - 4.1.1 Pesalah Muda dijatuhi PKM, **Pegawai PKM** perlu merekod keputusan mahkamah ke dalam Buku Daftar PKM Pesalah Muda dan ambil tindakan di Prosedur Dua Penerimaan Perintah Mahkamah.
 - 4.1.2 Pesalah Muda dijatuhi hukuman selain PKM, **Pegawai PKM** perlu merekod keputusan mahkamah ke dalam Buku Daftar PKM Pesalah Muda, kemas kini maklumat kes dan tutup fail.
- 4.2 Jika LSPM disediakan oleh daerah luar, **Pegawai PKM** perlu menghantar surat Pemakluman Keputusan Mahkamah ke daerah berkenaan dalam tempoh **lima hari** bekerja dan minit dalam fail kes.

PROSEDUR 1: PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

LAMPIRAN PM 1

BUKU DAFTAR PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT PESALAH MUDA

M/S 1

NEGERI:.....

DAERAH/BAHAGIAN/JAJAHAN.....

BIL	TARIKH DAFTAR	NO. FAIL	MAKLUMAT PESALAH	NAMA WARIS NO. TEL:	TARIKH BICARA	TARIKH JATUH HUKUM	MAHKAMAH	NO. KES
			NAMA:					
			K/P:					
			ALAMAT:					
			NO.TEL					

M/S 2

JENIS KESALAHAN/SEKSYEN	SYOR DAN HUKUMAN	NAMA PENYELIA LAPANGAN	NAMA PEGAWAI PKM	PINDAH		PELANGGARAN			TAMAT		TARIKH DIHANTAR SURAT/LAPORAN TAMAT PKM		CATATAN
				TARIKH PINDAH	NAMA DAERAH BARU	TARIKH KONFERENSI KES	KEPUTUSAN KONFERENSI KES	TARIKH BICARA DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH	TARIKH TAMAT	KATEGORI TAMAT	MAHKAMAH	IBU PEJABAT	
	SYOR:						<input type="checkbox"/> Laporan Polis <input type="checkbox"/> Pemakluman ke Mahkamah <input type="checkbox"/> Notis Permohonan			<input type="checkbox"/> Tamat Jam Agregat <input type="checkbox"/> Pindah <input type="checkbox"/> Dalam Penjara <input type="checkbox"/> Perubahan Hukuman <input type="checkbox"/> Meninggal Dunia			
	HUKUMAN:												



Kepala surat: JKMN/Daerah/Jajahan/Bahagian atau Cawangan

PKMD

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PENYEDIAAN LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

Pesalah Muda:

***No. Kad Pengenalan/Pasport:**

No. Kes:

Mahkamah:

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa penama telah dihadapkan ke Mahkamah_____ pada_____. Mohon jasa baik dan perhatian pihak tuan/puan untuk menyediakan Laporan Sosial Pesalah Muda.

3. Kerjasama tuan/puan dimohon untuk menyerahkan laporan tersebut sebelum atau pada_____.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

*potong mana tidak berkenaan

LAPORAN SOSIAL PESALAH MUDA

No. Rujukan Fail :
Mahkamah :
No. Kes Mahkamah :
Seksyen/Jenis Kesalahan :
Tarikh Bicara :
No. Laporan Polis :
Pertuduhan :
Keputusan Mahkamah :

1.0 BUTIRAN PERIBADI:

- 1.1 Nama:
- 1.2 *No. Kad Pengenalan/Pasport:
- 1.3 Tarikh Lahir:
- 1.4 Jantina:
- 1.5 Umur Semasa Kejadian:
- 1.6 Umur Semasa Jatuh Hukum:
- 1.7 Bangsa:
- 1.8 Agama:
- 1.9 Warganegara:
- 1.10 Jenis Kecacatan: (jika berkaitan)
- 1.11 Alamat:
- 1.12 No. Telefon:

2.0 LATAR BELAKANG KELUARGA :

- 2.1 Bapa Kandung:
- 2.2 Ibu Kandung:
- 2.3 Penjaga:

*potong mana tidak berkenaan

2.4 Adik Beradik Kandung:

2.5 Lain-lain jika berkaitan:

3.0 KEADAAN RUMAH DAN PERSEKITARAN :

4.0 KEADAAN EKONOMI :

5.0 PERIHAL PESALAH MUDA :

5.1 Kesihatan:

5.2 Persekolahan/Pendidikan:

5.3 Pekerjaan:

5.4 Kemahiran:

5.5 Tingkah Laku dan Keperibadian:

5.6 Hubungan dengan Ahli Keluarga:

5.7 Pergaulan dan Aktiviti:

5.8 Rekod Kesalahan Lampau (maklumat diperolehi melalui pengakuan pelatih):

5.9 Hal-hal Lain:

6.0 PANDANGAN DAN SYOR

Sekian, dikemukakan untuk pertimbangan Yang Arif.

(Pegawai PKM)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

NOTA: laporan ini disediakan berdasarkan maklumat temu bual bersama ibu bapa/penjaga dan pelatih.

**PROSEDUR 2:
PENERIMAAN PERINTAH
MAHKAMAH**

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

PROSEDUR TERPERINCI

1.0 MENERIMA DAN MENYEMAK PERINTAH MAHKAMAH

- 1.1 Setelah menerima salinan Perintah Khidmat Masyarakat daripada mahkamah/pelatih, **Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/Cawangan (Pegawai PKM)** hendaklah menyemak butiran perintah seperti berikut:
 - a. Nama dan No. Kad Pengenalan/Pasport;
 - b. Tarikh Perintah Mahkamah;
 - c. Tempoh Pelaksanaan Perintah;
 - d. Jumlah Jam Agregat.
 - e. Tempat Pelaksanaan PKM
- 1.2 Bagi kes tanpa Laporan Sosial Pesalah Muda (LSPM), jika mahkamah tidak menetapkan tempat pelaksanaan PKM, **Pegawai PKM** perlu menerangkan kepada pelatih bahawa pelaksanaan PKM boleh dilaksanakan di daerah yang difikirkan bersesuaian mengikut keperluan pelatih.
 - 1.2.1 Jika pelatih memilih melaksanakan PKM di daerah lain, **Pegawai PKM** perlu menghantar surat Pemakluman Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat seperti di **Lampiran PM 4** kepada **Pegawai PKM** daerah berkaitan, salinkan kepada pelatih dan masukkan maklumat pelatih di dalam fail am.
 - 1.2.2 Jika pelatih memilih untuk melaksanakan PKM di daerah semasa, ambil tindakan di perenggan 1.3
- 1.3 **Pegawai PKM** perlu menyemak maklumat pelatih dalam Buku Indeks dan Buku Daftar Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Pesalah Muda. Jika maklumat pelatih tidak ditemui, **Pegawai PKM** hendaklah mengambil tindakan untuk mendaftar pelatih dalam Buku Indeks dan Buku Daftar PKM Pesalah Muda. **Pegawai PKM** perlu buka fail kes, masukkan dokumen berkaitan dan catatkan dalam kertas minit.
- 1.4 Bagi kes berulang, **Pegawai PKM** hendaklah mendaftar nama pelatih di dalam Buku Daftar PKM Pesalah Muda seperti di **Lampiran PM 1**, buka fail dan masukkan dokumen berkaitan ke dalam fail. Jika perlu, **Pegawai PKM** boleh mendapatkan fail lama untuk semakan sejarah kes lampau.

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

- 1.5 Setelah semakan dibuat, sekiranya didapati :
 - 1.5.1 Terdapat perintah yang mengandungi kesalahan editorial seperti ejaan nama, no kad pengenalan/pasport atau alamat pelatih. **Pegawai PKM** perlu merujuk perkara ini kepada pihak mahkamah dengan kadar segera dalam tempoh **tiga hari** bekerja dari tarikh terima perintah.
 - 1.5.2 Terdapat perintah yang tidak teratur atau khilaf dari segi undang-undang sebagai contoh pesalah dijatui PKM melebihi umur 21 tahun dan/atau melebihi 240 jam agregat ketika sabitan dibuat, **Pegawai PKM** hendaklah membuat pemakluman segera dalam tempoh **tiga hari** bekerja kepada **Timbalan Pendakwa Raya (TPR)** yang mengendalikan kes melalui **Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri** dan salinkan kepada **Pengarah Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) JKM, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) dan Penasihat Undang-Undang (PUU) JKM** dengan menggunakan surat Pemakluman Kekhilafan Perintah Mahkamah seperti di **Lampiran PM 5**. Tujuan pemakluman ini dibuat adalah supaya semakan dapat dilaksanakan di Mahkamah Tinggi dan permohonan perintah pergantungan pelaksanaan PKM dapat dilaksanakan. Salin dan minitkan dalam fail kes.
 - 1.5.3 Bagi perintah yang tidak jelas sama ada khilaf atau tidak, **Pegawai PKM** hendaklah membuat pemakluman segera dalam tempoh **tiga hari** bekerja kepada **PUU JKM** dan disalinkan kepada **Pengarah Bahagian PKM, JKM dan PKMN** dengan menggunakan surat Permohonan Semakan Kekhilafan Perintah Mahkamah seperti di **Lampiran PM 6**. Setelah meneliti perintah tersebut, sekiranya terdapat kekhilafan, pihak **PUU JKM** akan membuat pemakluman kepada **TPR** yang mengendalikan kes melalui **Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri** dalam tempoh **lima hari** bekerja supaya semakan dapat dibuat di Mahkamah Tinggi dan permohonan perintah pergantungan pelaksanaan PKM dapat dilaksanakan. Sekiranya tiada kekhilafan perintah, perkara ini akan dimaklumkan kepada **Pegawai PKM** dan disalinkan kepada **Pengarah Bahagian PKM JKM dan PKMN** melalui surat ataupun e-mel.
- 1.6 Pelaksanaan PKM hendaklah dilaksanakan sehinggalah terdapat keputusan Mahkamah Tinggi yang menyetepikannya, atau terdapat penggantungan pelaksanaan perintah yang diberikan oleh mahkamah.

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

2.0 MENGHUBUNGI PELATIH BAGI PENILAIAN AWAL KESESUAIAN AKTIVITI

2.1 **Pegawai PKM** perlu menghubungi pelatih, ibu bapa/penjaga supaya hadir ke **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PejKMD)** dalam tempoh **sepuluh hari** bekerja dari tarikh terima perintah mahkamah dan catatkan dalam kertas minit. Kaedah menghubungi pelatih adalah seperti di bawah:

2.1.1 Surat panggilan dibuat secara surat berdaftar; atau

2.1.2 Menghubungi pelatih dengan apa-apa cara termasuklah membuat panggilan telefon ataupun melalui kiriman e-mel.

2.2 Sekiranya pelatih gagal hadir rujuk Prosedur Tiga Pelanggaran.

3.0 MENYEDIAKAN MAKLUMAT PELATIH TANPA LSPM

3.1 Pelatih hadir ke **PejKMD**, **Pegawai PKM** hendaklah menyediakan maklumat pelatih menggunakan borang Maklumat Pelatih di **Lampiran PM 7**.

3.2 **Pegawai PKM** perlu memberi penerangan awal mengenai tujuan penyediaan borang Maklumat Pelatih. Berikut merupakan beberapa perkara yang perlu disampaikan kepada pelatih sebelum temu bual dilaksanakan:

3.2.1 Tujuan perjumpaan adalah bagi menyediakan borang Maklumat Pelatih untuk kegunaan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja; dan

3.2.2 Maklumat ini akan digunakan oleh **Pegawai PKM** bagi mengetahui latar belakang pelatih.

3.3 Borang Maklumat Pelatih merangkumi perkara berikut:

- a. Maklumat Kes;
- b. Keputusan Kes;
- c. Butiran Peribadi ;
- d. Latar Belakang Keluarga;
- e. Keadaan Rumah dan Persekitaran;
- f. Keadaan Ekonomi; dan
- g. Perihal Pesalah Muda.

4.0 PENILAIAN AWAL KESESUAIAN AKTIVITI

- 4.1 **Pegawai PKM** perlu membuat penilaian awal kesesuaian aktiviti terhadap pelatih dengan kehadiran **Penyelia Lapangan (PL)**, pelatih, ibu bapa atau penjaga. Jika perlu, libatkan **Pegawai Psikologi (PPsi)**, **Penyelaras Penempatan (PP)** dan **Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/Bahagian/Cawangan (PKMD)**.
- 4.1.1 Sesi penilaian awal kesesuaian aktiviti hanya sesuai dilaksanakan bersama seorang pelatih dan ibu bapa atau penjaga masing-masing pada satu-satu masa. Lakukan pemerhatian terhadap pelatih bagi menyediakan Laporan Penilaian Awal Kesesuaian Aktiviti.
- 4.1.2 Sebelum membuat penilaian awal kesesuaian aktiviti, **Pegawai PKM** perlu membuat rujukan awal mengenai pelatih melalui maklumat yang terdapat di dalam LSPM atau borang Maklumat Pelatih.
- 4.2 **Pegawai PKM** perlu menyerahkan Borang Ujian Psikologi yang diselaraskan oleh **PPsi** kepada pelatih.
- 4.2.1 **Pegawai PKM** perlu meminta pelatih melengkapkan Borang Ujian Psikologi dan borang ini perlu diserahkan semula kepada **Pegawai PKM** pada hari yang sama.
- 4.2.2 Kemudian **Pegawai PKM** perlu menyerahkan satu salinan perintah mahkamah, LSPM/borang Maklumat Pelatih, Borang Ujian Psikologi melalui memo/surat Penyerahan Borang Ujian Psikologi Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat seperti di **Lampiran PM 8**, kepada **PPsi**, dalam tempoh **dua hari** bekerja dan diminitkan dalam fail kes.
- 4.2.3 Pelatih yang mengalami kesukaran (Orang Kurang Upaya Pembelajaran/Buta Huruf) untuk mengisi Borang Ujian Psikologi, **Pegawai PKM** boleh merujuk terus pelatih kepada **PPsi** untuk penyediaan Laporan Penaksiran Ujian Psikologi melalui memo/surat beserta salinan perintah mahkamah, LSPM/borang Maklumat Pelatih.
- 4.2.4 **PPsi** perlu menyerahkan Laporan Penaksiran Ujian Psikologi kepada **Pegawai PKM** dalam tempoh **lima hari** bekerja.

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

- 4.3 **Pegawai PKM** perlu menyerahkan borang Perakuan Kesihatan seperti di **Lampiran PM 9** kepada pelatih untuk diisi dan ditandatangani oleh pelatih. Borang dikumpulkan pada hari yang sama.
- 4.3.1 Sekiranya terdapat masalah kesihatan yang diperakui, pelatih dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan daripada pengamal perubatan berdaftar kepada **Pegawai PKM** dalam tempoh **lima hari** bekerja.
- 4.4 **Pegawai PKM** perlu menyerahkan borang Perakuan Pelatih Memerlukan/Tidak Memerlukan Insurans Persendirian seperti di **Lampiran PM 10**, sekiranya pelatih bersetuju untuk mendapatkan perlindungan insurans. Urusan bagi mendapatkan perlindungan insurans dan pembayaran adalah di bawah tanggungjawab pelatih. Borang yang telah lengkap ditandatangani perlu dikembalikan pada hari yang sama.
- 4.5 **Pegawai PKM** juga perlu memberi penerangan terperinci Arahan-Arahan Perintah Khidmat Masyarakat seperti di **Lampiran PM 11** kepada pelatih. Borang yang lengkap ditandatangani perlu dikembalikan pada hari yang sama.
- 4.6 Jika pelatih diperintahkan oleh mahkamah menjalani apa-apa syarat tambahan melibatkan agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan lain-lain, **Pegawai PKM** perlu membuat pemakluman kepada agensi berkenaan melalui surat pemakluman Syarat-Syarat Tambahan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di **Lampiran PM 12** dalam tempoh **lima hari** bekerja dari tarikh terima perintah. Berikut merupakan beberapa perkara yang perlu disampaikan kepada pelatih sebelum pelaksanaan syarat-syarat tambahan bermula:
- 4.6.1 **Pegawai PKM** perlu menerangkan kaedah pelaksanaan syarat-syarat tambahan berdasarkan perintah mahkamah dan menyerahkan borang Jadual Pelaksanaan Syarat-Syarat Tambahan Perintah Khidmat Masyarakat seperti di **Lampiran PM 13** kepada pelatih PKM.
- 4.6.2 **Pegawai PKM** hendaklah menerangkan kepada pelatih bahawa pelaksanaan syarat-syarat tambahan perlu disahkan oleh **Penyelaras Penempatan (PP)**. Setelah selesai pelaksanaan syarat-syarat tambahan, pelatih perlu menyerahkan borang Lampiran PM 13 kepada **Pegawai PKM**.

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

5.0 MENYEDIAKAN LAPORAN PENILAIAN KESESUAIAN AKTIVITI

- 5.1 Setelah selesai sesi penilaian awal kesesuaian aktiviti, **Pegawai PKM** perlu melengkapkan Laporan Penilaian Awal Kesesuaian Aktiviti seperti di **Lampiran PM 14**.

6.0 PENOLAKAN JAM AGREGAT

- 6.1 Penolakan jam agregat bagi pelaksanaan aktiviti harian adalah maksimum sebanyak **lapan jam sehari**, tidak termasuk rehat. Sebagai contoh, aktiviti pemuliharaan bangunan, penyelenggaraan landskap dan taman permainan, penyajian makanan dan pengurusan diri penghuni.
- 6.2 Manakala penolakan jam agregat bagi pelaksanaan kem atau program, adalah maksimum sebanyak **12 jam sehari**, tidak termasuk rehat. Sebagai contoh, kem atau program yang melibatkan penyertaan pelatih dari pelbagai daerah dan negeri.
- 6.3 Tempoh masa yang digunakan dalam proses kerja di perenggan 4.2 hingga 4.7 semasa pelatih hadir ke PKMD bagi sesi penilaian kesesuaian aktiviti dengan kehadiran bersama Pegawai PKM boleh ditolak jam agregat.

7.0 PENYEDIAAN JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI/PROGRAM PKM

- 7.1 Berdasarkan Laporan Penilaian Awal Kesesuaian Aktiviti, **Pegawai PKM** perlu menentukan aktiviti/program yang bersesuaian dengan pelatih.
- 7.2 Penetapan jadual perancangan hendaklah dirancang sehingga tamat jam agregat.
- 7.3 **Pegawai PKM** perlu mengambil tindakan menyediakan Jadual Perancangan Aktiviti/Program Perintah Khidmat Masyarakat seperti di **Lampiran PM 15**. Kemudian **Pegawai PKM** perlu menyerahkan jadual berkenaan kepada pelatih dan dapatkan tandatangan pelatih.

8.0 MENGHUBUNGI INSTITUSI/TEMPAT PELAKSANAAN PKM

- 8.1 Setelah selesai urusan penyediaan Jadual Perancangan Aktiviti/Program Perintah Khidmat Masyarakat, **Pegawai PKM** hendaklah menghubungi ketua institusi/tempat pelaksanaan yang telah dikenal pasti, kemudian

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

menghantar surat Permohonan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat seperti di **Lampiran PM 16** dan masukkan satu salinan surat ke dalam fail kes.

- 8.2 Pelaksanaan PKM hendaklah bermula dalam tempoh tidak melebihi **20 hari** bekerja dari tarikh terima perintah. Jika ada pemakluman rayuan oleh **TPR**, atau pelatih. **Pegawai PKM** perlu menyemak dengan Mahkamah sama ada terdapat perintah penggantungan pelaksanaan perintah diberikan oleh mahkamah. Sekiranya tiada penggantungan pelaksanaan perintah yang diberikan mahkamah, pelaksanaan PKM perlu diteruskan. Manakala sekiranya terdapat penggantungan pelaksanaan perintah yang diberikan oleh mahkamah, pelaksanaan PKM perlulah ditangguhkan. Minitkan dalam fail kes.



Kepala surat: JKMN/Daerah/Jajahan/Bahagian atau Cawangan

PKMD yang terpilih.

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT
PELATIH PKM :
MAHKAMAH YANG MENJATUHI PERINTAH :
KES NO. :**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

1. Untuk makluman pihak tuan/puan penama telah diperintahkan oleh Mahkamah _____ untuk menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebanyak _____ jam mulai dari _____ hingga _____.
2. Penama telah memilih untuk menjalani Perintah Khidmat Masyarakat di _____ atas sebab-sebab yang berikut:
 - I.
 - II.
4. Bersama-sama ini disertakan salinan perintah mahkamah untuk tindakan selanjutnya oleh pihak tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

s.k.:
Pelatih PKM



Kepala surat: JKMN/Daerah/Jajahan/Bahagian atau Cawangan

Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri,

u.p.: Timbalan Pendakwa Raya

Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN KEKHILAFAN PERINTAH MAHKAMAH
MAHKAMAH YANG MENJATUHI PERINTAH:
KES NO.:**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan bahawa penama: _____ lelaki/perempuan, berumur: _____ *No. Kad Pengenalan/Pasport _____ telah dijatuhi Perintah Khidmat Masyarakat sebanyak _____ jam agregat, mulai _____ hingga _____ di PKMD _____.

3. Setelah semakan dilaksanakan didapati terdapat perintah yang tidak teratur atau khilaf dari segi undang-undang pada perintah berkenaan iaitu:-

3.1

3.2..

4. Bersama-sama ini dilampirkan perintah mahkamah untuk makluman dan tindakan tuan/puan bagi tujuan semakan di Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 323, Akta 593. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat memohon agar satu perintah penggantungan pelaksanaan diberikan kepada penama.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

s.k.:

Bahagian PKM

PKMN

PUU JKM

*potong mana tidak berkenaan



Kepala surat: JKMN/Daerah/Jajahan/Bahagian atau Cawangan

Penasihat Undang-Undang, JKM

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN SEMAKAN KEKHILAFAN PERINTAH MAHKAMAH
MAHKAMAH:
KES NO.:**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelatih bernama: _____
*lelaki/perempuan, berumur: _____ *No. Kad Pengenalan/Pasport _____
dijatuhi Perintah Khidmat Masyarakat selama tempoh _____ jam agregat, mulai
_____ hingga _____ di PKMD _____.

3. Setelah semakan dilaksanakan didapati bahawa perintah ini tidak jelas sama ada terdapat kekhilafan dari segi undang-undang ataupun tidak melibatkan perkara berikut:

- i. ; dan
- ii.

4. Bersama-sama ini dilampirkan perintah mahkamah tersebut untuk perhatian dan tindakan segera oleh pihak tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

s.k.:
Bahagian PKM
PKMN

*potong mana tidak berkenaan

MAKLUMAT PELATIH

No. Rujukan Fail :
Mahkamah :
No. Kes Mahkamah :
Seksyen/Jenis Kesalahan :
Tarikh Bicara :
No. Laporan Polis :
Keputusan Mahkamah :

1.0 BUTIRAN PERIBADI:

- 1.1 Nama:
- 1.2 *No. Kad Pengenalan/Pasport:
- 1.3 Tarikh Lahir:
- 1.4 Jantina:
- 1.5 Umur Semasa Kejadian:
- 1.6 Umur Semasa Jatuh Hukum:
- 1.7 Bangsa:
- 1.8 Agama:
- 1.9 Warganegara:
- 1.10 Jenis Kecacatan:
- 1.11 Alamat:
- 1.12 No. Telefon:

2.0 LATAR BELAKANG KELUARGA :

- 2.1 Bapa Kandung:
- 2.2 Ibu Kandung:
- 2.3 Penjaga:

*potong mana tidak berkenaan

2.4 Adik Beradik Kandung:

2.5 Lain-lain jika berkaitan:

3.0 KEADAAN RUMAH DAN PERSEKITARAN :

4.0 KEADAAN EKONOMI :

4.0 PERIHAL PESALAH MUDA :

6.1 Kesihatan:

6.2 Persekolahan/Pendidikan:

6.3 Pekerjaan:

6.4 Kemahiran:

6.5 Tingkah Laku dan Keperibadian:

6.6 Hubungan dengan Ahli Keluarga:

6.7 Pergaulan dan Aktiviti:

6.8 Rekod Kesalahan Terdahulu (maklumat diperolehi melalui pengakuan pelatih):

6.9 Hal-hal Lain:

(Pegawai PKM)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

NOTA: Laporan ini disediakan berdasarkan maklumat temu bual bersama ibu bapa/penjaga dan pelatih.



Kepala Surat/Memo: Pejabat Kebajikan Masyarakat
Daerah/Jajahan/Bahagian/Cawangan

PPsi

Tuan/Puan,

PENYERAHAN BORANG UJIAN PSIKOLOGI PELATIH PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

NAMA:

***NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT:**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama sama ini disertakan Perintah Mahkamah, Laporan Sosial Pesalah Muda /borang Maklumat Pelatih dan Borang Ujian Psikologi Pelatih PKM seperti nama di atas untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

3. Tuan/puan adalah dimohon untuk mengembalikan **Laporan Penaksiran Ujian Psikologi** dalam tempoh **lima hari** bekerja.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

*potong mana tidak berkenaan

PERAKUAN KESIHATAN

MAKLUMAT PELATIH					
Nama:			*No. Kad Pengenalan/Pasport:		
Alamat:					
Jantina:		Umur:		Bangsa:	
GAYA HIDUP					
Merokok : YA/TIDAK			Alkohol : YA/TIDAK		
STATUS KESIHATAN PELATIH					
Asma:	YA/TIDAK	Darah Tinggi:	YA/TIDAK	Kusta:	YA/TIDAK
Sawan:	YA/TIDAK	Kencing Manis:	YA/TIDAK	Psikiatri:	YA/TIDAK
Jantung:	YA/TIDAK	Tibi:	YA/TIDAK	Lain-lain: (Sila nyatakan)	YA/TIDAK
Buah Pinggang :	YA/TIDAK	Polio:	YA/TIDAK	Sedang dalam Rawatan Nyatakan:	_____
NOTA: Jika 'YA'sila lampirkan dokumen berkaitan					
PERAKUAN					
1	Dengan ini saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.				
2	Pihak kerajaan tidak akan dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kemalangan disebabkan oleh faktor kesihatan sepanjang Perintah Khidmat Masyarakat berlangsung.				
3	Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keadaan kesihatan saya.				

Tandatangan:

Pelatih :

Ibu Bapa/Penjaga:

Nama:

Nama :

*No. Kad Pengenalan/Pasport:

*No. Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh:

Hubungan:

Dihadapan saya,

(Nama Pegawai PKM dan Cap Jawatan)

*potong mana tidak berkenaan

**PERAKUAN PELATIH MEMERLUKAN/TIDAK MEMERLUKAN
INSURANS PERSENDIRIAN**

Saya _____, *No Kad Pengenalan/Pasport: _____
beralamat _____.

<input type="checkbox"/> Bersetuju Untuk mendapatkan perlindungan insurans persendirian sepanjang menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama tempoh yang telah termaktub. Saya memahami bahawa segala urusan berkaitan perlindungan insurans termasuk kos dan polisi adalah di bawah tanggungjawab saya. Saya bersedia untuk memberikan satu salinan polisi insurans kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.	<input type="checkbox"/> Tidak Bersetuju Saya tidak bersetuju untuk mendapatkan perlindungan insurans dan tidak akan membuat apa-apa tuntutan kepada kerajaan sekiranya berlaku apa-apa kecederaan/kecacatan/kematian disebabkan oleh kemalangan ke atas saya semasa menjalani Perintah Khidmat Masyarakat.
---	---

Pelatih :

Ibu Bapa/Penjaga:

Nama:
*No. Kad Pengenalan/Pasport:
Tarikh:

Nama :
*No. Kad Pengenalan/Pasport:
Hubungan:

Dihadapan saya,

(Nama Pegawai PKM dan Cap Jawatan)
Tarikh:

*potong mana tidak berkenaan

ARAHAN-ARAHAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Saya _____ *lelaki/perempuan, *No. Kad Pengenalan/Pasport: _____ di perintahkan menjalani khidmat masyarakat oleh Mahkamah _____ selama _____ jam agregat, bermula dari _____ hingga _____ di _____. Saya dengan ini akan akur dengan arahan-arahan berikut:

- i. Mematuhi tempoh PKM seperti yang telah ditetapkan oleh perintah mahkamah dan diperincikan dalam **Jadual Pelaksanaan Aktiviti/Program PKM**.
- ii. Mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan oleh **Penyelaras Penempatan (PP)**
- iii. Sekiranya pelatih gagal hadir menjalani pelaksanaan PKM, pelatih perlu menghubungi **Pegawai PKM** atau **Penyelia Lapangan (PL)** dengan kadar segera sebelum pelaksanaan aktiviti/program bermula dan mengemukakan sijil sakit atau dokumen berkaitan daripada pengamal perubatan yang berdaftar;
- iv. Bersedia dipantau dan diselia oleh **Pegawai PKM, PL dan PP**;
- v. Akur akan perintah atau arahan daripada **Pegawai PKM, PL dan PP** dari semasa ke semasa;
- vi. Menghadirkan diri ke tempat pelaksanaan aktiviti/program pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan;
- vii. Sentiasa berpakaian sopan dan kemas semasa hadir di tempat pelaksanaan aktiviti/program PKM dan memakai pakaian/vest yang disediakan semasa mengikuti aktiviti;
- viii. Disiplin diri/kebersihan diri seperti kuku pendek, rambut tidak diwarnakan, rambut diikat kemas, dilarang memakai barangan perhiasan, berpakaian kemas dan sopan. Contohnya: **(Lampiran 1: A) Potongan Rambut Pelatih Lelaki, B) Penampilan Pelatih Perempuan**);
- ix. Berbudi bahasa, bersopan santun dan menghormati pegawai yang bertanggungjawab serta pelatih yang lain;
- x. Tidak memiliki atau membawa barang terlarang seperti objek tajam, rokok dan atau rokok elektronik;

*potong mana tidak berkenaan

PROSEDUR 2: PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

LAMPIRAN PM 11

- xi. Tidak memiliki bahan terlarang seperti dadah dan bahan memabukkan;
- xii. Tidak menggunakan kamera dan telefon bimbit;
- xiii. Tidak mengganggu ketenteraman penghuni di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan orang awam;
- xiv. Tidak merosakkan harta benda premis kerajaan dan tempat awam.

*PERAKUAN PELATIH PKM

Saya dengan ini akan mematuhi segala arahan yang telah ditetapkan dalam melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat. Saya juga setuju memberi kebenaran kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat pemeriksaan beg dan barangan yang dibawa sebelum pelaksanaan aktiviti harian, program dan kem PKM. Sekiranya saya melanggar Arahan-Arahan PKM maka Pegawai JKM berhak mengambil tindakan mahkamah. Sebarang kerosakan atau kehilangan barang-barang berharga milik saya adalah di bawah tanggungjawab saya sendiri.

Jika Pegawai PKM, Penyelia Lapangan atau Penyelaras Penempatan menemui dadah, bahan memabukkan, senjata api atau objek tajam laporan polis akan dibuat bagi tindakan pelanggaran, manakala jika arak, rokok atau rokok elektronik ditemui tindakan merampas dan pelupusan akan dilaksanakan.

.....

(Tandatangan Pelatih)

Nama :

*No. Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh :

.....

(Tandatangan Pegawai PKM)

Nama :

*No. Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh :

Hendaklah disediakan dalam dua salinan.

1. *Fail kes*
2. *Pelatih PKM*

*potong mana tidak berkenaan


Lampiran 1

A. POTONGAN RAMBUT PELATIH LELAKI

Jenis A.



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



Pandangan Belakang

Jenis B



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi




Pandangan Belakang


Lampiran 1

B. PENAMPILAN PELATIH PEREMPUAN

Gambar 2(a): Bertudung



Gambar 2(b): Tidak bertudung (rambut di ikat kemas)



Sumber: google



Kepala surat: JKMN/Daerah/Jajahan/Bahagian atau Cawangan

Agensi luar berkaitan

Tuan/Puan,

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN HUKUMAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT
PENAMA:**

***NO KAD PENGENALAN/PASPORT:**

MAHKAMAH YANG MENJATUHI PERINTAH:

KES NO.:

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan penama telah diperintahkan oleh Mahkamah _____ untuk menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebanyak _____ jam mulai dari _____ hingga _____.

3. Melalui perintah mahkamah tersebut, penama di kehendaki _____ pada _____ dalam tempoh _____.

4. Bersama-sama ini disertakan maklumat penama, salinan perintah mahkamah dan Jadual Pelaksanaan Syarat-Syarat Tambahan Perintah Khidmat Masyarakat untuk makluman tindakan selanjutnya oleh pihak tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

s.k.:

Pelatih PKM

*potong mana tidak berkenaan

JADUAL PELAKSANAAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Syarat yang dikenakan: _____

Agensi: _____

Nama Pelatih : Abu Hassan bin Azhar

Tempoh Perintah : 120 jam agregat/12 bulan

Nama Penyelia Lapangan : Encik Samsul bin Khairul

Daerah : Kuala Terengganu

Bil	Tarikh	Aktiviti	Agensi	Nama dan Tandatangan Penyelaras Penempatan	Nama dan Tandatangan Pegawai PKM
1					
2					
3					
4					
5					

NOTA: Perancangan jadual adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

(Tandatangan Pelatih)

Nama:
Tarikh:

(Tandatangan Ibu bapa/Penjaga)

Nama:
Tarikh:

(Pegawai PKM)

Nama:
Tarikh:

LAPORAN PENILAIAN AWAL KESESUAIAN AKTIVITI

1. Butiran Peribadi Pelatih

- 1.1 Nama:
- 1.2 *No. Kad Pengenalan/Pasport:
- 1.3 No. Kes Mahkamah:
- 1.4 Tempoh Perintah:
- 1.5 Jam Agregat:

2. Pemerhatian awal terhadap personaliti pelatih adalah berdasarkan penilaian oleh **PPsi** seperti dilampirkan.

3. Ulasan penilaian **Pegawai PKM** mengenai aktiviti yang dicadangkan kepada pelatih dalam menjalani PKM. Ulasan ini perlu mengambil kira laporan oleh **PPsi** dan **Laporan Sosial Pesalah Muda/borang Maklumat Pelatih**

.....

(Pegawai PKM)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

*potong mana tidak berkenaan

JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI/PROGRAM PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Nama Pelatih : Abu Hassan bin Azhar
 Nama Penyelea Lapangan : Encik Samsul bin Khairul

Tempoh Perintah: 120 jam agregat/12 bulan
 Daerah :

Bil	Tarikh	Jenis Aktiviti	Bil. Jam Sehari	Baki Jam Agregat	Tempat
1	6.3.2022	Dokumentasi	4	116	PMKD Hulu Terengganu
2	15.3.2022	Keceriaan (pembersihan/mengecat)	8	108	Rumah Ehsan
3	18.4.2022	Landskap (naik taraf)	8	100	TSH Kuala Terengganu
4	10.5.2022	Penyelenggaraan Padang/Bangunan	8	92	Rumah Ehsan
5	25.5.2022	Pembersihan (Institusi JKM)	8	84	TSH Kuala Terengganu
6	9.6.2022	Pembersihan (PBT)	8	76	Tapak pembuangan sampah
7	15.6.2022	Khidmat Bakti (Institusi JKM)	8	68	Rumah Ehsan
8	14.7.2022	Kem PKM	12	56	Peladang Setiu
9	1.8.2022	Program <i>Skill & Career</i> @CSO	8	48	Kolej Komuniti Chendering
10	7.8.2022	Landskap (simenfero)	8	40	PDK Dungun
11	8.9.2022	Landskap (simenfero)	8	32	PDK Dungun
12	11.10.2022	Program Ilmu dan Bakti	8	24	Masjid Abidin
13	16.11.2022	Program Kerohanian/Keibubapaan	8	16	Asrama Rusila, Marang
14	4.12.2022	Program Ilmu dan Bakti	8	8	Masjid Abdin
15	20.12.2022	Program Integrasi	8	0	PAWE Marang

NOTA: Perancangan jadual adalah tertakluk kepada sebarang perubahan yang akan diberitahu kelak.

 (Tandatangan Pelatih)

Nama:

Tarikh:

 (Tandatangan Ibu Bapa/Penjaga)

Nama:

Tarikh:

 (Pegawai PKM)

Nama:

Tarikh:



Kepala surat: JKMN/Daerah/Jajahan/Bahagian atau Cawangan

Ketua tempat penempatan _____

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT DI _____

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pihak PejKMD _____ ingin melaksanakan PKM di premis/institusi tuan/puan pada _____ dalam tempoh _____ jam mulai dari pukul _____ hingga _____.
3. Turut dilampirkan senarai nama pelatih di **Lampiran A**. Adalah besar harapan kami agar pihak tuan/puan dapat mempertimbangkan permohonan ini.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKMD)

s.k.:

Penyelaras PKM Negeri
Unit Berkaitan

PROSEDUR 3: PELAKSANAAN

PROSEDUR 3: PELAKSANAAN

PROSEDUR TERPERINCI

1.0 PELATIH HADIR DI TEMPAT PELAKSANAAN

